

28/04/2001

Pas disifatkan mahu balas dendam

TUMPAT, Jumaat - Cadangan Kerajaan Pas Kelantan meminda perlembagaan negeri membabitkan fungsi dan kuasa raja disifatkan sebagai cubaan membalas dendam terhadap Sultan Kelantan.

Ini kerana cadangan itu hanya timbul selepas Istana Kelantan menarik balik pingat kebesaran yang dikurniakan kepada dua Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco), Januari lalu.

Ahli Parlimen Gua Musang, Tengku Razaleigh Hamzah, berkata ketika Kerajaan Pusat membuat pindaan perlembagaan mengehendkan fungsi dan kuasa Raja-Raja pada 1993, Pas menentang keras dan berikrar untuk mempertahankan perlembagaan negeri daripada dipinda.

Katanya, Pas perlu sedar bahawa sebarang pindaan perlembagaan negeri mesti mendapat perkenan Sultan Kelantan.

"Pas nak pinda perlembagaan kerana nak marah kat Tuanku apabila istana tarik balik bintang dua Exconya, jadi seolah-olah nak balas dendamlah.

"Dia (kerajaan Pas) nak pinda perlembagaan ni serupa yang (Perdana Menteri) Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad buat dulu dan dulu (Pas) tak buat kerana menentang Dr Mahathir.

"Sekarang dia nak pinda perlembagaan, tapi kalau Tuanku tak bagi perkenan, (pindaan) tak laku," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat perwakilan Umno bahagian Tumpat di Sekolah Kebangsaan (SK) Berangan, dekat sini, hari ini.

Cadangan pindaan perlembagaan Kelantan yang menyentuh fungsi dan kuasa raja berbangkit selepas isu penarikan balik pingat kebesaran oleh Istana Kelantan kepada dua Exco iaitu Takiyuddin Hassan dan Mohamed Daud pada 24 Januari lalu.

Berikutan itu, kerajaan Pas menyatakan kesediaan meminda perlembagaan bagi mengurangkan kuasa raja dalam pentadbiran atas alasan sejajar tuntutan Pas Pusat dan Resolusi Muktamar Pas di Terengganu, tahun lalu.

Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat juga berkata, kerajaan negeri akan memanggil sidang khas Dewan Undangan Negeri (DUN) bagi membincangkan perkara itu yang dijadualkan selewat-lewatnya 30 April ini.

Bagaimanapun, kerajaan negeri dilaporkan kurang senang dengan Penasihat Undang-Undang negeri, Jalaldin Hussain, kerana dikatakan masih gagal menyediakan draf cadangan pindaan, sekali gus membantutkan usaha mengadakan sidang khas DUN.

Semalam, Takiyuddin dilaporkan berkata Jalaldin sudah diarah oleh Nik Abdul Aziz untuk menyediakan draf pindaan pada 19 Februari lalu dan sepatutnya dibentang pada mesyuarat Exco kelmarin. Bagaimanapun, Jalaldin tidak hadir kerana cuti sakit.

Sehubungan itu, Tengku Razaleigh yang juga Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno sekali lagi mencabar kerajaan Pas Kelantan menghapuskan perlembagaan negeri ciptaan penjajah yang diguna pakai sekarang dan menggantikannya dengan perlembagaan berasaskan Islam, termasuk hudud.

Katanya, Pas tidak perlu berdolak-dalik lagi dalam soal ini jika parti itu mendakwa berjuang berlandaskan Islam.

"Kalau benar Pas nak bawa pemerintahan Islam (di Kelantan), buang perlembagaan negeri sekarang dan bawa perlembagaan mengikut al-Quran dan hadis sebagai landasan dasar pentadbiran mengikut cara Islam sepenuhnya," katanya.

Ditanya sama ada rakyat Kelantan terutama di akar umbi keliru atau Umno sendiri lemah menghadapi Pas, beliau berkata kedua-duanya saling

berkaitan.

Beliau juga tidak menafikan rakyat Kelantan sukar membezakan antara dakwah dibawa Pas dengan perkara sebenar didedahkan Umno hingga menyebabkan mereka keliru.

Katanya, Pas sebenarnya tidak kuat tetapi berjaya melemahkan Umno sehingga rakyat percaya terhadap dakwah dan pembohongan yang dibawa parti itu atas nama Islam.

"Selain itu, kita sendiri berpecah-belah menyebabkan kewibawaan dan kepemimpinan Umno tidak diterima rakyat, tapi kalau dapat perbetulkan semua ini, insya-Allah masa depan Umno di Kelantan boleh diperbaiki.

"Oleh itu, sudah sampai masanya kita menghadapi pilihan raya umum akan datang dan Umno Kelantan perlu bergerak dari sekarang," katanya.

(END)